

▼02/06/18-52MST

CNS1581 . .

U GB Q2-06 00156 BH340

BAH

Mahathir - Televisyen

PM INGATKAN BAHAYA FILEM GANAS

PELABUHAN KLANG, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan stesen-stesen televisyen dan pawagam supaya berusaha mengurangkan penayangan gambar dan filem yang tidak sesuai dengan budaya tempatan.

Perdana Menteri berkata, punca lain perlu dicari untuk lokalan gambar dan filem kerana penonton akan menjadi penagih jika selalu didedahkan kepada gambar dan filem yang mempunyai adegan keganasan dan seks.

"Jika selalu sangat guna gambar yang semacam itu kita akan jadi penagih... selagi tidak ada adegan ganas, tidak ada adegan seks, kita tidak akan seronok.

"Jadi dengan sendirinya kita menolong menjavakan industri yang merosakkan budaya kita," katanya kepada pemberita selepas melawat Pelabuhan Barat di Pulau Indah, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta pemberita TV3 untuk mengulas mengenai prestasi stesen televisyen swasta itu yang menyambut hari ulangtahun ke-10nya hari ini. -- Lagi.

▼02/06/20-46MST

U GB 02-06 00144 BH341

BAH

Mahathir - Televisyen 2 (akhir) Pelabuhan Klang

Dr Mahathir bagaimanapun mengucapkan tahniah kepada TV3 di atas usianya yang sudahpun menjanagkau 10 tahun dan berkata beliau berpuas hati secara amnya terhadap prestasi TV3.

"Saya ucap tahniahlah kepada TV3...Selamat Hari Jadi," katanya.

Beliau berkata, TV3 seperti juga saluran televisyen yang lain merupakan satu kuasa dalam pembentukan peribadi dan menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

"Sudah tentu jika maklumat yang disampaikan itu tidak baik, maka masyarakat akan menjadi mangsa dan sebaliknya jika mempunyai tanggungjawab sosial TV3 akan menapis jenis-jenis tayangan yang dibuat," katanya.

Beliau percaya TV3 tidak akan rugi jika berbuat demikian sebaliknya ia lebih sihat untuk TV3 dan juga bagi negara.

Dr Mahathir berkata, nasihatnya itu bukan sahaja untuk TV3 tetapi juga untuk semua stesen televisyen dan pawagam di negara ini. -- Bernama.

MNY KAM.

▼02/06/20-48MST